

TRITI ANTARA
REPUBLIK INDONESIA DENGAN MALAYSIA
BERHUBONG DENGAN
PERSEMPADANAN LAUT WILAYAH KEDUA
NEGERI DI-SELAT MELAKA

REPUBLIK INDONESIA DAN MALAYSIA,

MENGINGAT bahawa pantai kedua Negeri ada-lah berhadapan antara satu sama lain di-Selat Melaka dan lebar-nya laut wilayah tiap2 satu Negeri ada-lah dua belas batu notika,

DENGAN TUJUAN memperkokoh ikatan persahabatan dahulu kala yang ada antara kedua Negeri,

DAN DENGAN TUJUAN menetapkan sempadan bagi laut wilayah kedua Negeri di-bahagian Selat Melaka yang sempit yang di-sempadan -

(a) di-sabelah Utara oleh garis yang menghubungkan Tanjong Rhu Garislintang $02^{\circ} 51'.1$ U Garisbujur $101^{\circ} 16'.9$ T ka-Titik 1 Garislintang $02^{\circ} 51'.6$ U Garisbujur $101^{\circ} 00'.2$ T dan ka-Pulau Batu Mandi Garislintang $02^{\circ} 52'.2$ U Garisbujur $100^{\circ} 41'.0$ T; dan

(b) di-sabelah Selatan oleh garis yang menghubungkan Tanjong Piai Garislintang $01^{\circ} 16'.2$ U Garisbujur $103^{\circ} 30'.5$ T ka-Titik 8 Garislintang $01^{\circ} 15'.0$ U Garisbujur $103^{\circ} 22'.8$ T ka-Pulau Iju Ketjil Garislintang $01^{\circ} 11'.2$ U Garisbujur $103^{\circ} 2'.0$ T dan ka-Tandjung Kedabu Garislintang $01^{\circ} 05'.9$ U Garisbujur $102^{\circ} 58'.5$ T,

TELAH BERSETUJU SAPERTI BERIKUT :

...2/-

Perkara 1

(1) Tertaklok kepada perenggan (2), garis sempadan bagi laut wilayah Malaysia dan laut wilayah Indonesia di-Selat Melaka dalam kawasan yang di-perihalkan dalam mukaddimah Triti ini ialah satu garis tengah yang di-ukur dari garis asas-nya masing2 dalam kawasan tersebut.

(2) (a) Kechuali sa-bagaimana di-peruntokkan dalam perenggan-kecil (b), kodinet2 bagi Titik2 garis sempadan tersebut ialah saperti berikut :

Titik 1.	101 ^o 00'.2 T	02 ^o 51'.6 U
Titik 2.	101 ^o 12'.1 T	02 ^o 41'.5 U
Titik 3.	101 ^o 46'.5 T	02 ^o 15'.4 U
Titik 4.	102 ^o 13'.4 T	01 ^o 55'.2 U
Titik 5.	102 ^o 35'.0 T	01 ^o 41'.2 U
Titik 6.	103 ^o 02'.1 T	01 ^o 19'.1 U
Titik 7.	103 ^o 03'.9 T	01 ^o 19'.5 U
Titik 8.	103 ^o 22'.8 T	01 ^o 15'.0 U

(b) Titik 6 tidak-lah di-pakai bagi Malaysia.

(3) Kodinet2 bagi Titik2 yang di-nyatakan dalam perenggan (2) ialah kodinet2 jeografi dan garis sempadan yang menghubungkan-nya adalah di-tunjokkan dalam charta yang di-kembarkan sa-bagai Lampiran 'A' kepada Triti ini.

- (4) Tempat yang sa-benar bagi Titik2 yang tersebut di-atas di-laut hendak-lah di-tentukan dengan suatu chara yang akan di-persetujui bersama oleh pehak berkuasa berkelayakan bagi kedua Pehak.
- (5) Bagi maksud perenggan (4) 'pehak-berkuasa berkelayakan' berhubung dengan Republik Indonesia erti-nya Direktur Hidrografi Angkatan Laut, Republik Indonesia dan termasuk-lah sa-siapa yang di-berikuasa oleh-nya dan berhubung dengan Malaysia erti-nya Pengarah, Pemetaan Negara, Malaysia dan termasuk-lah sa-siapa yang di-berikuasa oleh-nya.

Perkara 2

Tiap2 satu Pehak dengan ini berjanji akan memastikan supaya segala langkah yang perlu di-ambil di-dalam negeri bagi mematuhi kehendak2 Triti ini.

Perkara 3

Apa2 pertikaian antara kedua Pehak yang terbit dari pentafsiran atau pelaksanaan Triti ini hendak-lah di-selesaikan sa-chara damai dengan meminta nasihat atau dengan mengadakan rundingan.

Perkara 4

Triti ini hendak-lah di-sahkan mengikut kehendak2 perlembagaan kedua Negeri.

Perkara 5


Triti ini hendak-lah mula berkuatkuasa pada tarikh pertukaran Suratchara Pengesahan.

DI-PERBUAT DALAM DUA SALINAN DI-..... *Kuala Lumpur*
pada *tujuh-belas* haribulan *Mach*, 1970, dalam
bahasa2 Indonesia, Malaysia dan Inggeris.

Sa-kira-nya terdapat apa2 pertelingkahan antara naskhah2 itu, maka
naskhah bahasa Inggeris hendak-lah di-pakai.

h BAGI PEHAK REPUBLIK INDONESIA


.....
Adam Malik,
Menteri Luar Negeri.

h BAGI PEHAK MALAYSIA


.....
Tun Haji Abdul Razak bin
Dato' Hussein,
Timbalan Perdana Menteri.